

03/08/1999

Kementerian tunggu laporan UKM

KELANA JAYA, Isnin - Kementerian Pendidikan menunggu laporan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berhubung laporan 150 pensyarahnya mengadakan perhimpunan khas dan mengeluarkan deklarası menolak kenyataan bahawa pelajar Melayu malas, bodoh dan tidak teguh pendirian.

Menterinya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata beliau tidak mengetahui perkara itu dan masih menunggu hasil siasatan UKM.

Bagaimanapun, beliau percaya kumpulan pensyarah seperti dilaporkan oleh akhbar Pas, Harakah, itu sebenarnya tidak wujud.

"Kadangkala laporan Harakah bukannya betul sangat. Lagipun perkara itu di luar pengetahuan universiti. Saya tunggu laporan siasatan itu. Tapi saya tidak fikir ada kumpulan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Nilai Kemanusiaan Korporat di sini hari ini.

Harakah baru-baru ini melaporkan 150 pensyarah UKM membidas 'tohmahan' terhadap pelajar Melayu. Bagaimanapun, ia tidak menamakan pensyarah terbabit atau jurucakap mereka.

Di bawah tajuk 'Deklarasi Bangi Tolak Hina Melayu', akhbar itu melaporkan tenaga akademik itu menolak tanggapan negatif terhadap bangsa Melayu seperti malas, bodoh dan tidak teguh pendirian.

Kelmarin, Berita Minggu melaporkan pengurusan UKM memandang serius dan menyiasat dakwaan itu.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Anuwar Ali, berkata beliau tidak pernah dimaklumkan mengenai tindakan pensyarah UKM mengeluarkan deklarası menjawab kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai sikap pelajar Melayu.

Dr Anuwar turut mempersoalkan kesahihan laporan Harakah kerana tidak menyebutkan maklumat mengenai penganjur perhimpunan itu.

Mengenai saranan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam supaya menubuhkan badan khas mengkaji kelemahan pelajar Melayu, Najib berkata, kajian mengenai perkara itu dibuat puncanya juga sudah diketahui.

(END)